

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 PAGI 25 MEI)

KUALA LUMPUR, 25 MEI ¹⁹⁸⁴ (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENJAWAB KRITIK-KRITIK YANG DILEMPAR TERHADAPNYA BERHUBUNG DENGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN TAHUN LALU KHUSUSNYA YANG MENGUNGKIT DAN BERPENDAPAT PINDAAN ITU PERLU DIRUJUK TERLEBIH DAHULU KEPADA UMNO.

KEPADA KRITIK-KRITIK ITU PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERTANYA MENGAPA MEREKA SENDIRI TIDAK MERUJUK KEPADA UMNO SEBELUM MEREKA MEMBUAT KENYATAAN UMUM DAN BERPAKAT DENGAN ORANG-ORANG DI LUAR PARTI UNTUK MENGHALANG TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH PARTI?

'APAKAH ORANG YANG TIDAK DIPILIH LEBIH BERHAK DARIPADA ORANG YANG DIPILIH? JIKA BENAR, DI MANA DUDUKNYA DEMOKRASI DALAM PARTI?' TANYANYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-35 DI HOTEL HILTON DI SINI BERKATA BELIAU DISINGKIR SEMASA MEMBUAT 'SALAH DAHULU' (MENENTANG PUCUK PIMPINAN SELEPAS PERISTIWA BERDARAH 13 MEI 1969).

'HARI INI SAYA MEMIMPIN PARTI TETAPI KITA TIDAK MENYINGKIR ORANG YANG MEMBUAT SALAH KEPADA PARTI. SIAPAKAH YANG LEBIH DEMOKRATIK DAN SIAPAKAH 'YES MAN,' KATA BELIAU. -- LAGI -- 0833/RAS

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERIDR. MAHATHIR BERKATA SOAL PINDAAN PERLEMBAGAAN ITU TIDAK SEBEGITU BESAR ISU PEMISAHAN SINGAPURA PADA TAHUN 1965 DAN TIDAK BERTENTANGAN DENGAN PERLEMBAGAAN, MALAH TIDAK MEMERLUKAN PERSETUJUAN MAJLIS RAJA-RAJA.

BELIAU BERKATA PEMISAHAN MANA-MANA WILAYAH MALAYSIA DILARANG OLEH PERLEMBAGAAN. IA MEMERLUKAN PERSETUJUAN MAJLIS RAJA-RAJA TERLEBIH DAHULU DAN PARTI SUDAH TENTU PATUT DIBERITAHU, JIKA TIDAKPUN DIBERI PELUANG MEMBAHASKANNYA.

"TETAPI SEPERTIMANA KITA MAKLUM, TIDAK ADA SEBARANG RUJUKAN ATAU RUNDINGAN. SETIAUSAHA AGUNG UMNO KETPKA PTU (ALLAHYARHAMTAN SRI SYED JAAFAR ALBAR) MELETAK JAWATAN KERANA MEMBANTAH CARA KEPUTUSAN PEMISAHAN ITU DIBUAT.

"TETAPI PINDAAN TERUS DIBUAT, DENGAN DUA PERTIGA DARIPADA ANGGOTA DEWAN RAKYAT MENYOKONG PINDAAN ITU TERMASUKLAH SAYA SENDIRI."

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MEMBANTAH KERANA MATLAMAT ADALAH LEBIH PENTING DARIPADA CARA. "TIDAK ADA GUNANYA KITA MENGADAKAN PEMIMPIN, JIKA MEREKA TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN BUDIBICARA MEREKA SAMA SEKALI TERUTAMA APABILA PERBAHASAN UMUM AKAN MENCETUSKAN LEBIH BANYAK MASALAH DAN KETEGANGAN." -- LAGI --

0835/RAS

ZCZC B520

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENYEDARI ADA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG AGAK TIDAK BEGITU BERMINAT DENGAN PINDAAN YANG TELAH DIBUAT DAN MENSIFATKANNYA SEBAGAI PERKARA BIASA.

TETAPI, KATANYA, MEREKA MENGUNGKIT-UNGKIT SOAL ATURAN-PERATURAN KERANA KEPENTINGAN LAIN ATAU KERANA SENGAJA HENDAK MENCARI SALAH.

BELIAU BERSYUKUR KERANA ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN ITU KINI SUDAH MENJADI SEJARAH. "KITA TELAH MENCAPAI MATLAMAT KPTA DAN KITA SEMUA HARUS BERSYUKUR KERANA BUKAN SAJA KERANA PENCAPAIAN MATLAMAT ITU TETAPI JUGA KERANA PARTI MASXH, BERSEPADU WALAUPUN RETAK SEDIKIT.

DISAMPING BERSYUKUR, BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA RETAK MUDAH MENJADI BELAH DAN YANG GAGAH PUN AKAN LEMAH JIKA DIPALU BERKALI-KALI, APATAH LAGI YANG SUDAH RETAK.

DENGAN SELESAINYA ISU ITU, DATUK SERP DR. MAHATHIR BERKATA SOAL SAMA ADA BENAR ATAU TIDAK TUDUHAN BAHAWA PUCUK PIMPINAN TERLALU BERTOLAKANSUR ATAU TERLALU TAMAK KUASA TIDAK PERLU DIBAHAS.

"PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO AKAN DATANG DAN AKAN PERGI TETAPI PERJUANGAN UMNO PERLU DIKEKALKAN. PADA HEMAT SAYA, PERJUANGAN UNTUK MENGHILANGKAN KERAGUAN TENTANG KUASA RAKYAT DAN KUASA RAJA TELAH SELESAI." -- LAGI -- 0840/RAS

ZCZC B521

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

"KITA TELAH TENTUKAN BAHAWA AKHIRNYA RAKYAT YANG BERHAK MEMBUAT UNDANG-UNDANG YANG MEMPUNYAI KESAN TERHADAP RAKYAT," TEGASNYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERTERIMA KASIH KEPADA PARA PEMIMPIN DAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG TELAH MEMBERI SOKONGAN KEPADA TINDAKAN KERAJAAN DALAM SOAL TERSEBUT.

BELIAU GEMBIRA KERANA MAJLIS-MAJLIS PENERANGAN YANG DIADAKAN TELAH DIBANJIRI OLEH ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DAN ORANG MELAYU SERTA BUKAN MELAYU YANG MENJADI PENYOKONG BARISAN NASIONAL SEHINGGA TIDAK SIAPA BOLEH MENUDUH LAGI BAHAWA PINDAAN ITU DIBUAT TANPA MENDAPAT RESTU DARIPADA MAJORITI ANGGOTA UMNO.

-- TERNAAMA -- 0842/RAS